

30 JUL 1996

PM TERIMA WATIKAH PERLANTIKAN KETUA PERWAKILAN EU (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima waticah perlantikan Ketua Perwakilan Suruhanjaya Eropah (EU) ke Malaysia, Encik Michel Caillouet.

Caillouet, yang berpejabat di Bangkok, Thailand dilantik sebagai Ketua Perwakilan EU bagi Thailand, Kemboja, Laos, Myanmar dan Malaysia pada Mac tahun ini.

Sebelum ke rantau ini, beliau merupakan Ketua Unit Kerjasama Ekonomi bagi Sektor Asia di ibu pejabat EU di Brussels, Belgium.

Perdana Menteri kemudiannya menerima kunjungan hormat Naib Presiden EU bagi Amerika Latin, Mediterranean, Asia Selatan dan Asia Tenggara, Encik Manuel Marin.

Marin, yang berada di rantau ini kerana menghadiri persidangan selepas Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean di Jakarta, memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai cadangan bagi memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama EU-Asean.

-- BERNAMA

AH NMO